

20 IPTA bersaing

PORT DICKSON: Hujan tidak menghalang majlis perasmian Kejohanan Sukan Pantai 2011 anjuran Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Pantai Bagan Pinang, petang semalam.

Malah, atlet yang menyertai majlis berkenaan memaparkan semangat tinggi demi untuk menjayakan sukan terbesar pernah diadakan itu.

Kejohanan kali pertama diadakan itu disertai 20 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) membabitkan seramai 850 atlet dan pegawai pasukan.

Timbalan Pengerusi Masum yang juga Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UiTM, Prof Datuk Dr Abdullah Mohamad Said berkata, pihaknya amat berbangga di atas semangat dipamerkan setiap atlet yang menyertai majlis berkenaan.

Katanya, usaha Masum memperkenalkan kejohanan itu sebahagian daripada usaha memperkenalkan acara sukan pantai kepada golo-



BERI SEMANGAT...Zolkples (tengah) beramah mesra dengan atlet.

ngan mahasiswa, sekali gus mengenal pasti atlet berbakat untuk diketengahkan ke peringkat lebih tinggi.

"Kita mahu mengasah bakat dan mencari atlet berkebolehan kerana atlet yang hebat di gelanggang biasa be-

lum tentu boleh beraksi dengan cemerlang di acara sukan pantai.

"Selain itu, kita juga berharap sukan pantai ini mampu menyemarakkan budaya sukan, terutama di IPTA dan meluaskan budaya sukan

mahasiswa berbanding hanya terbabat di dalam permainan sukan gelanggang saja," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian kejohanan disempurnakan Ketua Pengarah Majlis Sukan

Negara (MSN), Datuk Zolkples Embong dan turut hadir adalah Pengarah Pusat Sukan UiTM, Mustaza Ahmad.

Sebanyak lima acara sukan dipertandingkan iaitu bola sepak pantai, bola tampar pantai, sepak takraw pantai, bola jaring pantai dan larian pantai.

Sementara itu, Zolkples menyambut baik langkah Masum menganjurkan kejohanan itu yang dilihat dapat membantu kepada tiga aspek utama iaitu memajukan lagi industri sukan negara, mempelbagaikan lagi aktiviti sukan di kalangan IPTA dan sebahagian daripada pencarian bakat baru.

"Ini selaras dengan dasar MSN yang memberikan fokus kepada usaha melahirkan atlet berprestasi tinggi demi untuk menjulang nama negara di arena sukan antarabangsa," katanya.